



اُنِيْوَرْسِيْتِيْ تِيْكْنُوْلُوْجِيْ مَآرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PEDIDENT DENTAL CHARTING SYSTEM (PDCS)

KUMPULAN SETARING

FAKULTI PERGIGIAN UITM KAMPUS SG. BULOH

ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR 2025

TAJUK INOVASI: Pedident Dental Charting System (PDCS)

NAMA JABATAN / AGENSI / INSTITUSI: Fakulti Pergigian, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Sungai Buloh

Pengenalan

Latar Belakang Ringkas Perkhidmatan



Pusat Pergigian Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Sungai Buloh merupakan sebuah institusi akademik dan penjagaan kesihatan pergigian yang terkemuka, di bawah Fakulti Pergigian UiTM. Terletak dalam Kampus UiTM Sungai Buloh, pusat ini berperanan sebagai pusat latihan klinikal utama untuk pelajar pergigian dari pelbagai peringkat, serta pusat rujukan dalam pelbagai bidang kepakaran pergigian.

Dilengkapi dengan kemudahan moden dan dikendalikan oleh tenaga pakar dari pelbagai disiplin pergigian, Pusat Pergigian UiTM menawarkan perkhidmatan pergigian menyeluruh kepada masyarakat termasuk rawatan pesakit luar, pergigian kanak-kanak, pergigian keperluan khas, ortodontik, periodontik, pergigian forensik, pergigian komuniti, serta pembedahan mulut dan maksilofasial.

Perkhidmatan Pusat Pergigian UiTM bukan sahaja terhad di Kampus Sungai Buloh, tetapi turut melibatkan Klinik Satelit di Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana, dan khidmat Klinik Pergigian Bergerak melalui dua unit Bas yang lengkap dengan fasiliti rawatan pergigian.


Dengan visi untuk menjadi pusat kecemerlangan terulung dalam pendidikan kesihatan pergigian, perkhidmatan dan penyelidikan dalam melahirkan graduan bumiputera profesional yang berdaya saing di peringkat global. Justeru, Pusat ini bukan sahaja menumpukan kepada pendidikan dan perkhidmatan klinikal, tetapi juga menjadi medan penyelidikan dan inovasi dalam bidang sains pergigian yang menyumbang kepada kemajuan akademik dan penjagaan kesihatan oral negara.

Penerangan Hasil Inovasi

Ringkasan Hasil Inovasi

'Pedident Dental Charting System' (PDCS) atau Sistem Pencartaan Gigi - Kawalan Kaki merupakan satu kaedah alternatif untuk mempermudah prosedur merekod keadaan pergigian (*dental charting*) dan menambahbaik kawalan jangkitan silang,

disamping mengurangkan keperluan tenaga kerja di Klinik Pergigian.



PDCS menggunakan sebuah peranti kaki tanpa wayar yang disertakan bersama sebuah perisian pencartaan gigi (*Dental Charting*), dan boleh digunakan secara *plug and play* pada semua ruang rawatan pergigian berkomputer tanpa sebarang kos pengubahsuaian.

PDCS adalah sebuah inovasi penciptaan yang lengkap dan telah melalui proses uji cuba serta dilaksanakan sebagai proses kerja baharu yang lebih cekap dan berkesan.

Proses inovasi ini telah bermula dari bulan Mac 2024, dan telah mula digunakan di Klinik Pergigian Primer Pusat Pergigian UiTM dan Klinik Pergigian Bergerak UiTM dari Ogos 2024.

Inovasi ini juga telah diperakukan oleh Jurutera Bertauliah dan Pakar Teknologi Maklumat untuk mendapat kelulusan penggunaan dan telah didaftarkan di MyIPO bagi kepentingan harta intelek kumpulan seTaring.

PDCS mempunyai potensi pengembangan dan pengkomersialan yang tinggi dalam skop inovasi prosedur pergigian, baik di Malaysia mahupun di arena global.

Tarikh Inovasi Dihasilkan

Mac - Ogos 2024

Tujuan Projek Inovasi

A - Kaitan Dengan Fungsi Utama Organisasi

Inovasi ini dibangunkan bagi menangani cabaran utama yang dihadapi oleh Pusat Pergigian UiTM, iaitu perkembangan pesat operasi klinikal yang tidak seiring dengan peningkatan sumber tenaga kerja, khususnya Pembantu Pergigian (DSA). Sebagai pusat latihan dan rujukan pergigian yang semakin berkembang, bilangan pesakit dan keperluan rawatan semakin meningkat saban tahun. Namun begitu, kekangan penempatan Pembantu Pergigian (DSA) telah menimbulkan tekanan terhadap

Data Jana Bilangan Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP) Pusat Pergigian UiTM 2020-2024



(Ringkasan Data Jana Klinikal Pengurusan 2018-2024 PPgUiTM)

kelancaran proses rawatan, khususnya dalam aspek perekodan keadaan pergigian (*dental charting*) yang secara tradisinya memerlukan seorang pembantu untuk merekodkan maklumat klinikal secara langsung.

Bagi menampung keperluan operasi yang semakin kompleks dan bagi memastikan kualiti perkhidmatan tidak terjejas, inovasi ini diwujudkan untuk membolehkan proses *dental charting* dilakukan oleh pengamal pergigian sendiri secara efisien, tepat dan bersih – tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada Pembantu Pergigian (DSA). Dengan penggunaan alat ini, masa rawatan dapat dioptimumkan, beban kerja dapat diagih dengan lebih seimbang, dan proses dokumentasi klinikal menjadi lebih tepat dan sistematik.

B - Kaitan Dengan Agenda dan Matlamat Nasional


Inovasi ini bukan sahaja bertujuan menyelesaikan isu kekurangan tenaga kerja, tetapi juga menyokong usaha kerajaan untuk pendigitalan sistem kesihatan serta meningkatkan tahap kesediaan Pusat Pergigian UiTM untuk beroperasi secara lebih lestari dan responsif terhadap cabaran semasa dalam sistem kesihatan pergigian negara, sejajar dengan Dasar Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Negara (DSITN 2021-2030) dan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025.



Proses Pelaksanaan Inovasi

(A) Kaedah Pemilihan Projek dan Analisa

Melalui teknik '*Failure Mode & Effects Analysis*' atau FMEA, seTaring telah menganalisis proses kerja pemeriksaan pergigian dan mengenalpasti 'Keberadaan Pembantu Pergigian (DSA)' sebagai *failure point* yang sering menyebabkan proses kerja pemeriksaan pergigian terganggu. Perkhidmatan pergigian Pusat Pergigian UiTM yang semakin berkembang seperti di (**Lampiran 8(a)-(b)**), ditampung oleh 6 orang Doktor Gigi, 80 orang Pakar Pergigian, 135 orang pakar pelatih, dan 399 orang Doktor pelatih tidak selari dengan jumlah Pembantu Pergigian (DSA) yang hanya seramai 24 orang lantikan pada akhir kajian Ogos 2024.



Kaedah SMART telah kemudiannya digunakan untuk merangka inovasi ini

Teknik S.M.A.R.T.



(B) Pernyataan Sasaran Outcome dan Impak

Berdasarkan dapatan analisis awal di (A), berikut ditetapkan sebagai sasaran awal untuk inovasi ini, dan proses inovasi awal ini berfokus untuk digunakan di Klinik Pergigian Bergerak :-

Sasaran hasil	Sasaran	Impak
1) Mempercepatkan waktu merekod prosedur 'dental charting'	25%	Meningkatkan kesedaran kepentingan rawatan pergigian melalui inisiatif peningkatan kualiti pengurusan dan perkhidmatan
2) Peningkatan Kawalan Jangkitan Silang	100%	
3) Pengurangan penggunaan Sarung Tangan (termasuk penggunaan semula)	50%	


(C) PROSES INOVASI

Penjituan Prosedur *Dental Charting*



Prosedur Dental Charting biasanya melibatkan dua proses: Pemeriksaan dan Perekodan. Inovasi dilaksanakan untuk menggabungkan kedua-dua proses ini untuk dijalankan serentak menggunakan peranti kaki yang membolehkan Doktor Gigi

merekodkan keadaan pergigian terus ke perisian komputer.



Dalam Kajian Lepas (*Literature Review*) seTaring, satu artikel mengenai peranti perekodan keadaan gusi menggunakan tuil kaki berwayar beserta satu (1) perisian komputer dalam bahagian periodontik (bidang kepakaran gusi) telah diterbitkan, tetapi sehingga kini masih tiada alatan teknologi atau penciptaan produk yang khas untuk prosedur *dental charting*.

Pembangunan Peranti dan Perisian

Peranti dibangunkan dengan kepakaran dalaman ahli seTaring dan konsultasi bersama pakar Rekaan 3D, Elektronik, Dan Pembangunan Perisian.



Perekaan 3D




Kerja Elektronik



Pembangunan Perisian



Proses pembangunan melibatkan 2 prototaip awal:



Dan prototaip akhir seperti berikut:




Lakaran Skematik dan Penghasilan




Perisian PDCS 1.0



Proses Sebelum dan Selepas



Proses Kerja Lama seperti di atas menunjukkan ketiadaan Pembantu Pergigian (DSA) akan menyebabkan pertambahan 4 langkah tambahan dalam Prosedur *Dental Charting*



Manakala Proses Kerja Baharu seperti di atas menunjukkan tiada sebarang pertambahan langkah dalam Prosedur *Dental Charting* walaupun dalam ketiadaan Pembantu Pergigian (DSA)

Elemen Penurunan Kuasa

Sebahagian daripada tugas Pembantu Pergigian telah berjaya diturunkan (*delegated*) kepada sistem PDCS, melancarkan prosedur *Dental Charting* dan membenarkan penggunaan tenaga manusia yang lebih cekap dan lestari.

Kumpulan Sasar dan Skop Liputan

PDCS disasarkan untuk boleh digunakan di mana-mana Klinik Pergigian yang menjalankan proses *Dental Charting*, dan walaupun Kumpulan Sasar awal ialah Klinik-klinik di bawah Pusat Pergigian UiTM, khususnya Klinik Pergigian Bergerak, kami berhasrat untuk melebarkan kegunaan PDCS berdasarkan Fasa seperti berikut:

Fasa 1: - (Klinik Khidmat Masyarakat/ Klinik Bergerak).

- (a) Klinik Pergigian Bergerak UiTM (Mobile Dental Clinic).
 - (b) Kolaborasi Bersama Klinik Khidmat Masyarakat Anjuran Islamic Dental Association Malaysia.
- (Lampiran 18 & 21 - Kelulusan pelaksanaan UITM dan IDAM).**


Fasa 2: - (Klinik Khidmat Masyarakat/ Klinik Bergerak).

- (a) Kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia- Bahagian Pergigian.
- (b) Kerjasama Bersama Malaysian Dental Association (MDA) untuk khidmat Masyarakat).
- (c) Kerjasama dengan Universiti Tempatan- Fakulti Pergigian/ Hospital).
- (d) Kerjasama Bersama dengan Kementerian Pertahanan- bahagian Pergigian.


Fasa 3: - Pengembangan ke Tahap 7 & seterusnya pada Rajah TRL.

- (a) Pembangunan Bersama UITM Techno Venture/ BITCOM UITM

Inovasi ini telah dijalankan di Klinik Pergigian Bergerak UiTM dan Klinik Pergigian Khidmat Masyarakat NGO (Islamic Dental Association of Malaysia) dan masih dalam usaha pengembangan berdasarkan Pelan seperti di bawah.




Kami meletakkan inovasi ini masih di tahap TRL 6, dan dalam usaha pengembangan untuk meneruskan proses inovasi ini untuk ke tahap seterusnya seperti ditunjukkan dalam rajah di atas.



Impak Inovasi terhadap Kumpulan Sasar

Untuk mengukur impak dan keberkesanan inovasi ini, kami telah menjalankan proses pengujian selama 4 minggu pada Jun 2024.

Jumlah Peserta Prosedur Dental Charting untuk tempoh Ujicuba PDCS (Sebelum & Selepas)	14 Orang (28 Ujian)
Tempoh Pengujian Prosedur Dental Charting untuk tempoh Ujicuba PDCS (Jun 2024)	4 minggu
Lokasi Uji kaji - Klinik Pergigian Pascasiswazah Keperluan Khas, Klinik Pascasiswazah Kanak-Kanak & Klinik Primer UiTM	3



Dapatan utama hasil ujicuba adalah seperti dibawah:

Pencapaian Outcome & Pembuktian

Kajian yang dijalankan adalah untuk membandingkan proses kerja sebelum inovasi PDCS (bekerja sendiri tanpa pembantu merekod) & selepas inovasi (dengan penggunaan PDCS). Berikut adalah dapatan hasil kajian dan maklumat seperti di carta bawah; - **(Lampiran 13-15 & 23 – Analisis Data Statistik & Tematik bagi Prosedur Dental Charting Sebelum & Selepas Inovasi PDCS) & (Pengiraan Kos Operasi)**


Hasil Kajian Inovasi (Outcome)	4 Handed Dentistry (ADA PEMBANTU)	2 Handed Dentistry (TIADA PEMBANTU)		Keberhasilan	Sasaran Inovasi
		Sebelum Inovasi	Selepas Inovasi		
1) Masa Merekod 'dental charting'	*IKUT KPI	115 saat	82 saat	↓ 28%	25%
2) Bilangan Penggunaan Sarung Tangan/ Penggunaan Semula	2	3.14	2	↓ 57%	50%
3) Bilangan sentuhan Permukaan 'Tidak Kritikal' tercemar.	TIADA	3	TIADA	↓ 100%	100%
4) Kepuasan Pelanggan Bekerja	T/M	60%	100%	↑ 40%	50%
5) Kos Operasi (Elaun Makan Pembantu)- min 1 orang/ klinik	RM 2700	T/B	RM 1350	↓ 50%	30%
6) Kos Penggunaan Sarung Tangan	T/M	RM 293.96	188.44	↓ 36%	30%

- Mengikut KPI PPgUITM (5 minit bagi keseluruhan saringan & diagnosis & Kajian Artikel
- KPI :The Use of the International Caries Detection and Assessment System (ICDAS) in a National Health Service General Dental Practice as Part of an Oral Health Assessment
- T/M : Tiada Maklumat

Outcome 1	Tempoh Masa Prosedur Dental Charting																														
Pembuktian	Penerangan																														
Descriptive Statistics <table><tr><th></th><th>N</th><th>Mean</th><th>Std. Deviation</th><th>Minimum</th><th>Maximum</th><th>Sum</th><th>Sum of Squares</th><th>Variance</th><th>Std. Dev.</th></tr><tr><td>Existing Time (minutes)</td><td>74</td><td>1.91</td><td>.45</td><td>1.00</td><td>3.00</td><td>141.34</td><td>105.84</td><td>.20</td><td>.45</td></tr><tr><td>Charting Time (minutes)</td><td>74</td><td>1.52</td><td>.47</td><td>.50</td><td>3.00</td><td>112.48</td><td>105.84</td><td>.20</td><td>.47</td></tr></table>		N	Mean	Std. Deviation	Minimum	Maximum	Sum	Sum of Squares	Variance	Std. Dev.	Existing Time (minutes)	74	1.91	.45	1.00	3.00	141.34	105.84	.20	.45	Charting Time (minutes)	74	1.52	.47	.50	3.00	112.48	105.84	.20	.47	• Pengurangan masa sebanyak 32.43 saat, 28% adalah signifikan dari segi masa bekerja seorang pegawai iaitu 8 jam/sehari dan merawat pada kadar 14.6 pesakit/sehari (sumber ADA 2017*).<i>American Dental Association: Characteristics of Dental Practices: 2017 Survey</i> • Kajian merekod, 100% pelanggan bersetuju bahawa sistem baharu inovasi menjimatkan masa sekiranya bekerja secara (2 handed dentistry) • Kesan positif kepada penjimatan masa, tenaga seorang pegawai dan meningkat kualiti perkhidmatan malah menambahkan kuantiti perkhidmatan
	N	Mean	Std. Deviation	Minimum	Maximum	Sum	Sum of Squares	Variance	Std. Dev.																						
Existing Time (minutes)	74	1.91	.45	1.00	3.00	141.34	105.84	.20	.45																						
Charting Time (minutes)	74	1.52	.47	.50	3.00	112.48	105.84	.20	.47																						

Outcome 2	Penggunaan Sarung Tangan
Pembuktian	Penerangan
• Penggunaan sarung tangan sebelum inovasi adalah 3.14 helai sarung tangan, manakala dengan PDCS adalah setakat 2 helai. • Sebanyak 57% penjimatan penggunaan sarung tangan atau pada kadar (1: 1.14) helai	Chart Title Dental Procedures

Outcome 3	Pengawasan Jangkitan Silang (Melalui Sentuhan Permukaan)
Pembuktian	Penerangan



- Kajian mendapati pelanggan menyentuh permukaan (contoh: Pen atau Permukaan meja) dengan sarung tangan pada kadar (3.1 permukaan) pada uji kaji sebelum berbanding (0.0 permukaan) selepas penggunaan inovasi PDCS. Ini merekodkan **100%** Penurunan sentuhan permukaan **(Tidak-Kritikal)**
- Dapatan kajian juga merekodkan 100% pelanggan setuju protokol jangkitan silang dipatuhi hasil sepanjang proses kerja baharu dijalankan
- Ini dapat meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan apabila tahap pengawalan jangkitan silang dipatuhi dengan baiknya.

Outcome 4

Kos Operasi & Kos Produksi

Pembuktian

Penerangan

Kos Sebelum dan Selepas (Dengan) Inovasi

1.KOS OPERASI KLINIK PERGIGIAN BERGERAK MDC UITM- BAGI KIRAN ELAUN PENGGUNAAN SARUNG TANGAN MDC UITM 2023

*Bilangan Pesakit (MDC/ R2410) sahaja yang dirawat tahun 2023: 673 orang***

*Penggunaan sarung tangan dengan penakat 2: helai/ 1 pesakit

Nilaiiah Penggunaan Sarung Tangan tanpa pembantu DSA:(1:1.54)

*Harga semasa satu(1)kard sarung tangan:- RM 14.09/ 100 helai**

Kos penggunaan kotak sarung tangan dental chair yang tiada pembantu DSA:

= Bilangan Pesakit 2023 x Penggunaan minima sarung tangan x Helai

Sarung Tangan tanpa DSA x 1/2 Harga Semasa Sarung tangan

= 673 x 2 x 1.54/270 x RM 14.09

= RM 293.96

Kos Penggunaan kotak sarung tangan dengan inovasi PDCS

= Bilangan Pesakit 2023 x Penggunaan minima sarung tangan x Helai Sarung

Tangan dengan PDCS x 1/2 Harga Semasa Sarung tangan

= 673 x 2 x 1.54/270 x RM 14.09

= RM 188.44

***Kos Aliran Klinik Pergigian Bergerak MDC/UITM 2023
 **Berdasarkan kos sarung tangan dengan penakat 2 helai
 ***Berdasarkan rekod log Klinik Pergigian Bergerak Klinik 2023 MDC/UITM

Bagi tujuan kos operasi, perbandingan sebelum dan selepas dilakukan pada kos operasi maklumat tahunan Klinik Pergigian bergerak MDC UITM 2023. Penjimatan kos operasi berdasarkan adalah seperti di:-

Kos Sebelum Inovasi: RM 293.96

Kos Selepas Inovasi: **RM 188.44**

Penjimatan Kos Penggunaan Sarung Tangan : 36%

(Lampiran 23 Laporan: Pengiraan Kos Operasi)

2) Kos Pembayaran Elaun

Makan pembantu DSA bagi Klinik Bergerak MDC 2023

Jumlah Petugas Pembantu Pembedahan pergigian : 2 orang setiap MDC

- Kos Sebelum Inovasi (2 DSA): RM 2700

Dengan Inovasi PDCS (1 DSA dan 1PDCS)

-Kos Selepas Inovasi : **RM 1350**

Penjimatan Perbelanjaan Elaun: 50%

KOS OPERASI KLINIK PERGIGIAN BERGERAK MDC UITM- BAGI KIRAN ELAUN MAKAN MINIMA DUA (2) PEMBANTU DSA/ SETIAP MDC /2023

= Bilangan Hari Program MDC bagi Tahun 2023: 30 Hari**

= Bayaran Tetap Minima satu(1) Pembantu Pegawai Pengiraan : RM 45/ sehari*

= Bilangan Minima DSA untuk setiap MDC: Dua(2)

Kos Pembayaran Elaun Makan bagi minima dua(2) DSA bagi MDC tahun 2023:

= Bilangan Hari Program Klinik Bergerak 2023 x (Bayaran Tetap Elaun

Makan (RM)) x Bilangan Minima DSA Setiap MDC/ Program

= 30 x 45 x 2

= RM 2700

Dengan Inovasi PDCS (Pengurangan satu(1) DSA pada setiap MDC)

= RM 1350

**Berdasarkan rekod log Klinik Pergigian Bergerak Klinik 2023 MDC/UITM

*Berdasarkan rekod log Klinik Pergigian Bergerak Klinik 2023 MDC/UITM

Hasil menunjukkan penjimatan pada kadar tinggi dapat dilaksanakan dengan implementasi inovasi PDCS dan akan memberi impak yang berguna kepada pengurusan kewangan pada jangka masa panjang.

Prestasi inovasi PDCS telah berjaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan Pusat Pergigian UiTM.

Faedah Sampingan (luar jangka)

Secara tidak langsung, terdapat nilai tambahan pada 'outcome' kajian inovasi seperti: -

- 1) Kepuasan pelanggan meningkat seperti di (**Lampiran 16: Analisis Data Tematik Selepas Penggunaan PDCS**)
- 2) Penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
- 3) Pengalaman penyelesaian pesakit meningkat.
- 4) Menambah keyakinan pelanggan (perkhidmatan) Pusat Pergigian UiTM.
- 5) Perisian PDCS yang memaparkan kebaikan '*Decentralization of Information*'

Elemen Inovasi

Ringkasan Impak berdasarkan Elemen Inovasi boleh dilihat di bawah:

Elemen Inovatif / Kreatif

- Peranti kawalan kaki tanpa wayar pertama untuk *dental charting*
- Integrasi sistem aplikasi komputer dengan antara muka ergonomik
- Pendigitalan proses manual tanpa kos pengubahsuaian

Elemen Keberkesanan

- Masa prosedur dikurangkan dari 115 saat ke 82 saat
- Kepuasan pengguna meningkat 100%
- Penurunan sentuhan permukaan tidak kritikal (0 sentuhan)

Elemen Signifikan

- Lebih mesra pelanggan dan selamat
- Menyumbang kepada pengurangan kos operasi klinik
- Memenuhi KPI dental charting dan SOP jangkitan silang

Elemen Relevan

- Selari dengan Dasar STIE 2021–2030 & Pelan Strategik UiTM/KKM
- Menyokong penggunaan teknologi dalam kesihatan pergigian

Pengiktirafan Diterima

Pengiktirafan

Projek Pedident Charting System (PDCS) yang dibangunkan oleh Kumpulan KIK Setaring, Fakulti Pergigian UiTM, telah menerima pengiktirafan tinggi dalam Konvensyen Inovasi KIK UiTM (Zon Tengah) 2024. Sistem ini berjaya meraih



- a) **Penarafan Emas** untuk laporan projek, yang menunjukkan tahap kecemerlangan dan ketelusan dalam penyampaian maklumat serta pencapaian yang cemerlang.
- b) **Anugerah KIK Primer Inovasi Terbaik Pengurusan (Kategori Penciptaan)**, yang mengiktiraf usaha pasukan dalam mencipta sistem yang inovatif dan memberi impak besar dalam bidang pergigian
- c) **Anugerah KIK Primer Inovasi Terbaik Pengurusan** yang menilai keberkesanan pengurusan projek ini dari segi perancangan dan pelaksanaannya.


Selain itu, Kumpulan Setaring turut diiktiraf dalam Konvensyen Inovasi KIK UiTM (Peringkat Universiti) 2024

- d) **Penarafan Emas** untuk laporan projek, yang menunjukkan tahap kecemerlangan dan ketelusan dalam penyampaian maklumat serta pencapaian yang cemerlang.
- e) **Pemenang Tempat Ketiga (Finalis)** bagi inovasi KIK UiTM 2024

Perakuan

Inovasi PDCS juga telah diperakukan penggunaannya oleh Profesional dari bidang Lakaran 3 Dimensi, Kejuruteraan dan Pembangunan Perisian.

Perakuan Kejuruteraan







Pengapan
Kejuruteraan Mekanikal

Ir. Hazran Bin Husain
Pensyarah Kanan Fakulti
Kejuruteraan Mekanikal

"Perakuan Penggunaan Material Prototaip, Struktur dan Persiapan Elektronik Dalam Pedident Prototaip".

Perakuan Lakaran 3D







Dr Siti Azma Jusoh
Pensyarah Kanan
Fakulti Farmasi
Ketua MakerLab UCS UTM

"Diharapkan penghasilan projek ini dapat diaplikasikan agar dapat memberi impak tinggi kepada perkhidmatan Klinik Pergigian Bergerak & dikomersialkan di pasaran luar"

Perakuan Perisian



Dr Mohd Hairry Mohamaddiah
Timb. Ketua Peg. Teknologi
Maklumat Kanan
Jabatan Infostruktur

"Projek inovasi ini mempunyai masa depan cerah untuk dikomersialkan berdasarkan ciri-ciri serta fungsi integrasi dengan perkakasnya".

Perakuan oleh Dekan/ Ketua PTJ



Prof Dr Aida Nur Ashikin Abd Rahman
Dekan Fakulti Pergigian/ Ketua PTJ

"Produk inovasi ini dapat dipraktikkan dan diperluaskan penggunaannya kepada program khidmat masyarakat secara amnya dan seterusnya dapat dikomersialkan untuk pasaran luar".

Gambar Berkaitan

Pelaksanaan Inovasi - Klinik Pergigian Bergerak UiTM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pergigian



Pelaksanaan Inovasi - Klinik Khidmat Masyarakat



DAW
العلم - العمل - الدعوة



Kolaborasi Pelaksanaan bersama IDAM



DAW
العلم - العمل - الدعوة

Implikasi Kewangan

- Kos pembangunan satu prototaip: **RM93.00 sahaja**
- Penjimatan tahunan kos elaun & sarung tangan di Klinik Bergerak UiTM: **>50%**
- Potensi pengkomersialan: Anggaran harga pasaran RM1,500/unit

Lampiran 23 & 24 - Pengiraan Elaun Pembantu Pergigian dan Kos Produksi Peranti PDCS



Penutup

PDCS merupakan usaha inovasi tempatan yang praktikal, mampu milik dan berimpak tinggi dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan pergigian. Dengan sokongan penuh UiTM dan potensi kerjasama bersama KKM serta agensi nasional lain, kami percaya PDCS mampu menjadi inovasi kebangsaan yang boleh dikembangkan ke peringkat global.

Disediakan oleh:

Nama : Abdul Rahman Bin Ahmad Ridzuan/Ahmad Suleiman Bin Salehuddin

Tel. : 0193658112/0193158836

E-mel : arahmanridzuan@uitm.edu.my/suleiman@uitm.edu.my

INDEKS LAMPIRAN

BAB	NO.	TAJUK	MUKA SURAT
1	1	Profil Kumpulan dan Carta Organisasi	26
	2	Borang Lantikan Ahli-Ahli seTaring	27
	3	Skop Tugas Jawatankuasa seTaring	28
	4	Jadual Kehadiran & Keterlibatan Ahli	30
	5	Carta Perbatuan Pelan	31
2	6	Visi, Misi & Objektif Fakulti Pergigian UiTM Pelan Strategik UiTM dan KKM	32
	7	Dasar Sains, Teknologi, dan Inovasi 2021-2030	33
	8	(a) Data Jana Kakitangan & Bilangan MDC-FOD (b) Pra- Selidik Proses Kerja Semasa oleh Pelanggan	34
3	9	Proses Kerja Semasa bagi Prosedur 'Dental Charting	35
	10-11	Carta Penghasilan & Penambahbaikan Inovasi Prototaip	36
	12	Penghasilan Perisian PDCS	38
4	13-15	Analisis Data Statistik & Tematik bagi Prosedur Dental Charting Sebelum & Selepas Inovasi PDCS	39
	16	Analisis Data Tematik Selepas Penggunaan PDCS	43
	17	Carta Proses kerja Baharu Prosedur 'Dental Charting di Klinik Pergigian Bergerak MDC	44
	18	Surat Perakuan Dekan Fakulti Pergigian Penggunaan & Pelaksanaan di Klinik Pergigian Bergerak MDC Fakulti	45
	19	Surat Kelulusan Ahli Bertauliah - Bidang Kejuruteraan	46
	20	Surat Kelulusan Ahli Bertauliah - Bidang Informasi Maklumat	47
	21	Surat Tunjuk Minat Pelaksanaan Inovasi oleh Badan IDAM	49
5	22	Tatacara Penggunaan PDCS	50
	23	Pengiraan Kos Operasi Klinik Pergigian Bergerak UiTM	52
	24	Kos Produksi Prototaip dan Perisian (PDCS)	53
	25	Resit Pembayaran Pendaftaran Harta Intelek (MyIPO)	54
	26	Surat Permohonan Pendaftaran Produk PDCS- BITCOM	55
	27	Pengiktirafan Projek Dalam Konvensyen/ Pertandingan	56

Lampiran 1: Profil Kumpulan dan Carta Organisasi

Carta Organisasi

Kema PTJ / Dekan	Prof. Dr. Aida Nur Ashikin Abdul Rahman
Ketua Unit Kualiti	Associate Prof. Dr. Annasunmy AP Venkateswaran
Ketua	Dr. Ahmad Suleman Salahuddin Pegawai Peritipan
Ahli Kumpulan	Dr. Abdul Rahman bin Ahmad Ridzuan Pegawai Peritipan Ahmad Aziz Fathan bin Rosli Juru X-ray Dr. Mohammad Gh. Aed Ali Pangsarati Peritipan Nur Salwana bin Sitikan Pembantu Pendaftaran Peritipan Nazlis bin Mohd Hussein Pegawai Teknologi Maklumat Rudzuan Bin Hasm Juratukang Makmal Peritipan Dr. Nor Hafizah Binti Redzwan Pangsarati Peritipan Nur Zakaria Abadi Bin Zulaila Pegawai Khidmat Pesirangan Muhammad Haseem Bin Mohamed Jumaar Penolong Jurutera
Penyelaras	Azrina Mohd Wokhar
Fasilitator	Norashikin Salleh

"Innovation in Every Smile"



Visi

To be a humble team of
World-class Innovators

Misi

To provide solutions through
innovation & research using
cutting-edge technologies

Objektif

- 1) To Achieve Faculty's KPI for KIK 2024
- 2) To enhance teamwork within people of different fields

Lampiran 2: Borang Lantikan Ahli-Ahli KIK

[illegible]


Lampiran 3: Skop Tugas Jawatankuasa KIK seTaring

**JAWATANKUASA KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF(KIK) FAKULTI
PERGIGIAN UITM (TEAM SETARING)**

PENYELARAS
Pn. Azrina bin Mokhtar
FASILITATOR
Norashikin Salleh
KETUA
Dr Ahmad Suleiman Salehuddin
PIC DEVICE AND SOFTWARE INTEGRATION (MODEL ARCHITECT)
Dr Abdul Rahman bin Ahmad Ridzuan
MODEL DESIGNER AND ASSEMBLY (3D DESIGNER)
Ahmad Aziz Farhan bin Rosli
DEVICE PRODUCTION / ASSEMBLY (TECHNICIAN)
Muhamad Harizman Bin Mohamad Jumari
DENTAL SOFTWARE (IT DEVELOPER)
Nazifas binti Mohd Hussein
RESEARCH ANALYSIS AND DOCUMENTATION
Dr Mohammed Gh Abd Ali
QUALITY AND UPGRADE
Dr Nor Hidayah Binti Reduwan
PROJECT EDITOR
Nur Zukrina Afifah Binti Zulkifle
SECRETARY
Nur Sabrina binti Sha'ari
GRAPHICS (SLIDES & VIDEO)
Redzwan bin Hasni

Lampiran 4 : Jadual Kehadiran & Keterlibatan Ahli

Hari KIK seTaring: Setiap Minggu, Hari Jumaat bekerja, jam 3 hingga 4 petang																												
Bilik Gerakan KIK, Kampus Sg Buloh																												
Mesyuarat Projek (24)																												
Jan	Feb				Mac				Apr				Mei				Jun				Jul				Kehadiran			
26	2	9	16	23	8	15	22	29	5	12	19	26	3	10	17	24	7	14	21	28	5	12	19	26	216 / 226 95%			
/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	Ahmad Suleiman			
/	x	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	Nur Sabrina			
/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	Abdul Rahman			
/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	Ahmad Aziz Farhan			
/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	x	/	/	Muhamad Harizman			
/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	Nazifas			
/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/	/	/	Mohammed Gh			
-	-	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	Redzwan			
-	-	-	-	-	/	/	/	/	x	x	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	Nor Hidayah			
-	-	-	-	-	-	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	Zukrina Afiqah			
/ - Hadir ; x - Tidak Hadir ; - - Belum Menyertai Kumpulan																												



Lampiran 5: Carta Perbatuan Pelan

PELAN/BULAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
PEMBENTUKAN KUMPULAN										
IDENTITI KUMPULAN										
PENETAPAN TEMA PROJEK										
MENGENALPASTI PROJEK										
MENJELASKAN PROJEK										
SASARAN PROJEK										
JANGKAAN OUTCOME IMPAK										
DEFINE										
MEASURE & ANALYZE										
IMPROVE (PENGHASILAN PROTOTAIP)										
CONTROL (TESTING)										
PENGUNAAN & PENGIKTIRAFAN PROJEK										
PEMGEMBANGAN INOVASI PROJEK										
PENILAIAN PENCAPAIAN PROJEK										

Lampiran 6: Visi, Misi & Objektif Fakulti Pergigian UiTM

VISION

To be the premier centre of excellence in oral health education, service, and research in producing globally competitive professional bumiputera graduates.


MISSION

To enhance the knowledge and expertise of bumiputeras in oral health through professional programmes, cutting-edge research, and community service based on moral values and professional ethics.

OBJECTIVES

- To meet the government's target of providing excellent dental health care
- To produce more Bumiputra professionals in the field of dentistry
- To raise the standard of dental services in the country to be at par with the developed nations
- To produce dental graduates who are highly competent clinically and technically in the field of research and innovation
- To fulfill human resource needs of the nation

Pelan Strategik UiTM dan KKM



Lampiran 7: Dasar Sains, Teknologi, dan Inovasi 2021-2030



DASAR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGARA (DSTIN) 2021-2030

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI



Visi


Masyarakat yang Mampan, Inklusif dan Saintifik ke Arah Negara Berteknologi Tinggi

Misi


Memacu Pembangunan Mampan dan Inklusif Menerusi Pengaplikasian STIE yang Progresif



4 Fokus Utama DSTIN 2021-2030



6 Teras DSTIN 2021-2030





Lampiran 8(a): Data Jana Kakitangan Pegawai Pembantu Pergigian Berbanding Pertambahan Perkhidmatan Klinik Pergigian Bergerak Pusat Pergigian UITM 2020-2024

Perkara	2018	2019	2020	2021	2022	2023	Jan-Ju lai 2024
Jumlah MDC (Klinik Pergigian Bergerak Fakulti	23	17	0	1	12	30	21
Bilangan Staf DSA Di PpgUITM	Tiada Maklumat			24	24	24	24


(Ringkasan Jana Data Klinikal Pengurusan 2018-2024 PPgUITM)

Lampiran 8(b): Ringkasan borang Pre-survey Uji Kaji Survey Proses Kerja Semasa

Pra- Selidik Inovasi	Kekurangan/ DSA	Ketiadaan	Kesan (2-Handed) on Ketepatan Merekod Dental Charting
Respon Peserta (1-14)	Sangat Kurang: 9 Sederhana: 3 Sedikit Kurang: 2		Sangat Kurang Tepat :10 Kurang Tepat: 3 Tiada Perbezaan: 1





Lampiran 9: Proses Kerja Semasa bagi Prosedur 'Dental Charting'




Lampiran 10: Penghasilan & Penambahbaikan Inovasi

PENCHASILAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Lakaran Asal / Idea Penciptaan	Illustrasi & Asas	Pemasangan	Inovasi Siap	Penambahbaikan / Cadangan
PEDIDENT Prototaip				
